

# Layani muzik mengikut syarak

22.4.2015  
Kohu

ISLAM tidak menghalang umatnya berhibur. Malah, pada zaman Nabi Muhammad SAW turut membuktikan bahawa adanya acara untuk berhibur.

Bagaimanapun, Islam tidak memberikan kebebasan kepada manusia untuk melayan hiburan itu sesuka hati tanpa batasannya.

Di dalam Islam, apa sahaja yang dilakukan perlu mengikut syarak supaya ia tidak tersasar daripada tujuan asal sesuatu perkara itu dilakukan.

Muzik itu tidak haram tetapi cara manusia melayan muzik tersebut menjadi punca ia diharamkan. Tiada dalil yang menyebut mengenai pengharaman muzik secara mutlak.

Pensyarah Kanan Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohd.

Izhar Ariff Mohd. Kashim menjelaskan, mendengar dan bermain alat muzik bertali seperti gitar tidak haram.

"Dalam membincangkan isu muzik, terdapat tiga golongan ulama yang berselisih pendapat. Ketiga-tiga golongan ulama tersebut mempunyai hujah masing-masing dan dalil yang mempunyai kekuatan tersendiri.

"Golongan pertama berpendapat, muzik itu haram secara mutlak. Kumpulan kedua mendakwa muzik itu harus tetapi bersyarat manakala yang ketiga menyatakan muzik itu harus secara mutlak.

"Namun, ulama kontemporari berpendapat muzik itu harus tetapi



MOHD. IZHAR ARIFF

bersyarat seperti tidak lagha (sia-sia), lirik yang baik dan tidak melalaikan.

"Muzik yang diharamkan oleh ulama secara sepakat ialah muzik yang melibatkan aktiviti maksiat seperti pergaulan lelaki dan wanita tanpa batasan, serta tarian yang melalaikan dan minuman keras," jelas beliau ketika dihubungi.

Menurut Mohd.

Izhar Ariff, umat Islam dilarang memainkan semua jenis alatan muzik di dalam masjid atau surau kerana perbuatan tersebut bercanggah dengan syariat dan akhlak Islam.

Bagaimanapun, penggunaan alat tersebut bagi menjalankan aktiviti yang dibenarkan oleh syarak boleh

dilaksanakan di luar bangunan masjid, surau atau madrasah. Namun, pelaksanaannya hendaklah berlandaskan syariat dan akhlak Islam.

"Namun, umat Islam perlu berhati-hati apabila memainkan sesuatu instrumen muzik. Jangan sampai mencetuskan fitnah atau menghalalkan sesuatu yang haram.

"Begitu juga dengan para penonton. Mereka perlu lebih bersifat terbuka mengenai sesuatu hiburan itu. Bukan semata-mata hiburan tetapi ada pengisian ilmu yang peroleh," jelas beliau.

Kesimpulannya, tidak salah untuk bermain alat-alat muzik selagi ia tidak melalaikan seseorang daripada mengingati Allah dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.